



# Dasar Kualiti

Februari 2010

## Kumpulan Pirelli menganggap:

- keprihatinan diumpukkan terhadap keperluan dan penyelarasan semua kepentingan Pemegang Kepentingan Kumpulan, dengan jaminan bahawa mereka menerima respons yang layak dan cekap
- perlakuan perniagaan beretika
- inovasi produk, perkhidmatan, proses dan sistem yang berterusan
- jangkaan keperluan Pelanggan
- keunggulan dalam produk dan perkhidmatan yang ditawarkan
- keselamatan produk
- perlindungan alam sekitar sepanjang tempoh hayat produk
- perlindungan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan pekerja
- kerjasama strategik dengan Pembekal
- peningkatan kualiti, kos dan kecekapan yang berterusan

sebagai elemen asas dan umum dalam mentakrif strategi dan objektif demi meningkatkan daya saing yang kekal dan mampan di pasaran global.

## Kaedah berikut penting dalam menyokong pelaksanaan Dasar ini:

- dialog bersama Pemegang Kepentingan
- pematuhan ketat terhadap undang-undang, peraturan dan dasar serta prosedur korporat
- pelaksanaan tanda aras, analisis jangkaan Pemegang Kepentingan, perekaan dan pelaksanaan produk dan proses baru, dan penggunaan penyelidikan
- pentakrifan dan pengurusan tindakan pencegahan dan pembaikan melalui sistem pengurusan dan pemantauan untuk mentaksir dan menilai kesan kecekapan kualiti dan korporat yang lemah, di dalam dan di luar Kumpulan
- pelaksanaan dan penyenggaraan sistem pengurusan maju yang disasarkan terhadap peningkatan berterusan
- penerapan kaedah untuk menilai dan memantau prestasi Pembekal mulai fasa pemilihan, dari aspek kelebihan persaingan, prestasi kualitatif, kemungkinan pembangunan strategik bersama, kemampuan ekonomi, sosial dan alam sekitar mereka, dan dalam hubungan mereka dengan Kumpulan
- pembangunan, kelayakan dan peningkatan pekerja
- perancangan strategik objektif
- aktiviti peningkatan berterusan
- struktur organisasi tertumpu ke arah memastikan ketersediaan dan kecukupan sumber insan yang diperlukan untuk mencapai objektif yang dirancang, perlindungan alam sekitar dan keselamatan pekerjaan

## PERANAN PENGARAH PERNIAGAAN / FUNGSI / CEO Syarikat

Mereka dikehendaki:

- Menyampaikan Dasar ini dalam bahasa tempatan kepada semua Pekerja
- Mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan pelaksanaan keseluruhan dasar ini
- Mentakrif objektif dan strategi yang konsisten dengan prinsip dan kaedah umum dan asas yang digariskan dalam dasar ini
- Mengesahkan hasil yang dicapai sejajar dengan objektif
- Melibat dan memberi tanggungjawab kepada Pekerja dalam aktiviti yang dirangkumi oleh dasar ini
- Menekankan kepentingan sedia ada dan secara efektif menggalak, melaksana dan mengesahkan tindakan pembetulan, pencegahan dan peningkatan, di peringkat teknikal dan organisasi.

**PENGERUSI**  
**Marco Tronchetti Provera**